

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 7.11.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 37

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat mana pelaksanaan menaiktaraf Jalan Ulu Skrang seperti pengumuman kelulusan yang diumumkan semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke sg. Paih Skrang pada pilihan raya negeri Sarawak yang lepas.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* 1, Tahun 2016, Kementerian ini telah diluluskan Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak Fasa 2 yang melibatkan pembinaan jambatan – jambatan di sepanjang jajaran sedia ada bagi mengatasi masalah banjir dengan anggaran kos berjumlah RM28.5 juta. Pada masa ini projek tersebut sedang dalam peringkat rekabentuk dan dijangka akan ditender pada Mac 2017.